



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGUASAAN KATA KERJA DALAM PENULISAN KARANGAN BAHASA MELAYU MURID TAHUN 4



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

RAHIMAH SHAFEHEE

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**PENGUASAAN KATA KERJA DALAM PENULISAN KARANGAN BAHASA
MELAYU MURID TAHUN 4**

RAHIMAH SHAFEHEE



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025





SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپنرسیتی قندیدیقن سلطان ادریس

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 9 (hari bulan) Disember (bulan) 2025

i. Perakuan pelajar :

Saya, RAHIMAH BINTI SHAFEHEE, M20161000154, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENGUASAAN KATA KERJA DALAM PENULISAN KARANGAN BAHASA MELAYU MURID TAHUN 4 (TAJUK) adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESOR DR. ABDUL RASID JAMIAN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGUASAAN KATA KERJA DALAM PENULISAN KARANGAN BAHASA MELAYU MURID TAHUN 4 (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH)

12 DISEMBER 2025

Tarikh

PROFESOR DR. ABDUL RASID JAMIAN
Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim,
Perak Darul Ridzuan

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title : PENGUASAAN KATA KERJA DALAM PENULISAN
KARANGAN BAHASA MELAYU MURID TAHUN 4

No. Matrik / Matric's No : M20161000154

Saya / I am : RAHIMAH BINTI SHAFEHEE

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut: -
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik Universiti Pendidikan Sultan Idris.
The Thesis/Dissertation/Project Paper is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan rujukan dan pendidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and education.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The library has the right to make copies of the thesis/Dissertation/Project Paper for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below: -

✓	AKSES TERBUKA OPEN ACCESS	Saya bersetuju bahawa Tesis/Disertasi/Kertas Projek boleh diterbitkan sebagai salinan fizikal atau akses terbuka dalam talian. <i>I agree that the Thesis/Dissertation/Project Paper may be published as a physical copy or open access online.</i>
	*TERHAD *LIMITED	Mengandungi maklumat terhad seperti yang dinyatakan oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan dijalankan. (Perpustakaan akan menyekat akses sehingga _____ tahun). <i>Contains restricted information as specified by the organization/institution where the research was conducted. (Library will restrict access until _____ years).</i>
	*SULIT *CONFIDENTIAL	Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. <i>Contains confidential information under the Official Secrets Act 1972.</i>
	EMBARGO	Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini tertakluk kepada tempoh embargo selama 2 tahun atas sebab-sebab berikut: This Thesis/Dissertation/Project Paper is subject to an embargo period of 2 years for the following reasons:

***Nota / *Notes:**

- i. Jika tiada pilihan yang ditandai, pilihan pertama akan dilaksanakan secara automatik.
If no option is marked, the first option will be automatically implemented.

- ii. Jika Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini dikategorikan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat dari pihak berkuasa/organisasi yang berkaitan dengan menyatakan alasan dan tempoh tesis ini perlu diklasifikasikan sebagai **TERHAD** atau **SULIT**. / If the Thesis/Dissertation/Project Paper is categorized as **CONFIDENTIAL** or **LIMITED**, kindly attach a letter from the relevant authority/organization stating the reason and duration for the thesis should be classified as **LIMITED** or **CONFIDENTIAL**.

(Tandatangan Pelajar / Signature of Student)

Tarikh / Date: 9 DISEMBER 2025

Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh / Date: 12 DISEMBER 2025

PROFESOR DR. ABDUL RASID JAMIAN
 Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu
 Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
 Universiti Pendidikan Sultan Idris,
 35900 Tanjong Malim,
 Perak Darul Ridzuan



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izinNya disertasi ini berjaya disiapkan. Dalam usaha mengumpul bahan-bahan kajian, membangunkan perincian dan dokumentasi, penyelidikan telah mendapat bantuan secara langsung dan tidak daripada individu-individu berikut; Profesor Doktor Muhammad Ibrahim-penyelia disertasi yang banyak memberikan panduan dan nasihat, guru-guru dan pelajar sekolah kebangsaan Tanjong Malim dan sekolah kebangsaan Datu' Kamarudin, Behrang Stesen yang terlibat di dalam kajian ini, para pensyarah Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif yang telah memberikan ilmu dan tunjuk ajar rakan-rakan sepengajian yang memberi bantuan dan semangat dan tidak lupa kepada ayah dan bonda yang sentiasa memberikan sokongan dan kasih sayang yang tidak terhingga kepada diri ini.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penguasaan penggunaan kata kerja dalam penulisan karangan Bahasa Melayu di kalangan murid Tahun 4. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap penguasaan kata kerja, menganalisis kesalahan tatabahasa yang sering dilakukan oleh murid, dan mengenal pasti strategi pengajaran yang berkesan untuk meningkatkan penguasaan kata kerja. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian gabungan yang melibatkan data kuantitatif dan kualitatif. Data kuantitatif diperoleh melalui analisis karangan murid yang dinilai berdasarkan penggunaan kata kerja, manakala data kualitatif diperoleh melalui temu bual dengan guru bagi mengenal pasti kesalahan tatabahasa dan strategi pengajaran yang digunakan. Sampel kajian melibatkan 36 orang murid Tahun 4 yang terdiri daripada pelbagai latar belakang di sebuah sekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti murid menunjukkan penguasaan yang baik dalam penggunaan kata kerja, dengan skor antara 75% hingga 95%. Walau bagaimanapun, beberapa kesalahan tatabahasa sering berlaku, antaranya penggunaan kata kerja yang tidak sesuai, kesalahan bentuk kata kerja, dan kekeliruan antara kata kerja aktif dan pasif. Faktor-faktor yang menyebabkan kesalahan ini termasuk kurangnya pendedahan terhadap penggunaan kata kerja yang betul dan teknik pengajaran yang tidak sesuai. Berdasarkan temu bual dengan guru, strategi pengajaran yang berkesan seperti latihan berulang, penggunaan ayat yang mudah, aktiviti menarik, serta bahan bantu mengajar yang sesuai dapat meningkatkan penguasaan kata kerja dalam kalangan murid. Kajian ini juga mencadangkan penggunaan aktiviti interaktif, maklum balas positif, dan kerjasama ibu bapa untuk meningkatkan minat dan keyakinan murid dalam menulis. Dapatan ini memberikan panduan penting dalam meningkatkan penguasaan tatabahasa, khususnya penggunaan kata kerja dalam penulisan karangan Bahasa Melayu di kalangan murid Tahun 4.

MASTERY OF VERBS IN MALAY LANGUAGE ESSAY WRITING AMONG YEAR FOUR PUPILS

ABSTRACT

This study aims to examine the mastery of verb usage in Malay language essay writing among Year 4 students. The objectives of the study are to identify the level of verb mastery, to analyze the grammatical errors commonly made by students, and to identify effective teaching strategies to improve students' mastery of verbs. The study adopts a mixed-methods research design, involving both quantitative and qualitative data. Quantitative data were obtained through an analysis of students' essays, which were assessed based on their use of verbs. Qualitative data were collected through interviews with teachers to identify common grammatical errors and the teaching strategies employed in the classroom. The study sample consisted of 36 Year 4 students from a primary school, representing diverse backgrounds. The findings indicate that the majority of students demonstrated a good level of mastery in verb usage, with scores ranging from 75% to 95%. However, several grammatical errors were frequently observed, including the use of inappropriate verbs, incorrect verb forms, and confusion between active and passive verbs. Factors contributing to these errors include limited exposure to correct verb usage and the use of less effective teaching techniques. Based on teacher interviews, effective instructional strategies such as repetitive practice, the use of simple sentence structures, engaging classroom activities, and appropriate teaching aids were found to enhance students' mastery of verbs. The study also suggests the use of interactive activities, positive feedback, and parental involvement to increase students' interest and confidence in writing. Overall, the findings provide important guidance for improving grammatical mastery, particularly verb usage, in Malay language essay writing among Year 4 students.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii

BAB 1	Pengenalan	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Persoalan Kajian	9
1.6	Kepentingan Kajian	9
1.7	Batasan Kajian	11
1.8	Definisi Konseptual	11

1.8.1	Kata Kerja	12
1.8.2	Penulisan Karangan	12
1.9	Kesimpulan	13
BAB 2	SOROTAN LITERATUR	
2.1	Pendahuluan	14
2.2	Kata Kerja dalam Penguasaan Tata Bahasa	15
2.3	Penguasaan Kata Kerja	18
2.4	Penguasaan Tatabahasa Melayu	20
2.5	Analisis Kesalahan dan Kesilapan Tatabahasa	22
2.6	Penulisan Karangan Bahasa Melayu	25
2.7	Kajian Penguasaan Tatabahasa Bahasa Melayu	27
2.8	Kesimpulan	30
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	32
3.2	Reka Bentuk Kajian	33
3.3	Populasi dan Persampelan	34
3.4	Instrumen Kajian	35
3.4.1	Ujian Tatabahasa	35
3.4.2	Protokol Temu Bual	36
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	38

3.5.1	Ujian Tatabahasa	38
3.5.2	Temu Bual	40
3.6	Pengumpulan Data	40
3.6.1	Ujian Karangan	41
3.6.2	Temu Bual	42
3.7	Penganalisis Data Kajian	42
3.7.1	Penganalisisan Karangan Murid	43
3.7.2	Analisis Temu Bual	43
3.8	Rumusan	44
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	45
4.2	Tahap Penguasaan Kata Kerja Murid Tahun 4 dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu	46
4.3	Jenis Kesalahan Tatabahasa yang Sering Dilakukan oleh Murid dalam Penggunaan Kata Kerja	50
4.4	Strategi Pengajaran yang Berkesan untuk Meningkatkan Penguasaan Kata Kerja dalam Kalangan Murid	69
BAB 5	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	87
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	88
5.2.1	Tahap Penguasaan Kata Kerja dalam Penulisan Karangan Murid Tahun 4	88
5.2.2	Tahap Penguasaan Kata Kerja dalam Penulisan Karangan Murid Tahun 4	91



5.2.3	Strategi Pengajaran yang Berkesan untuk Meningkatkan Penguasaan Kata Kerja dalam Kalangan Murid	93
5.3	Implikasi Kajian	97
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	100
5.5	Kesimpulan	103
RUJUKAN		105





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
4.1	Markah Penulisan Kata Kerja	47
4.2	Jenis Kesalahan Tatabahasa yang Sering Dilakukan oleh Murid dalam Penggunaan Kata Kerja	50
4.3	Strategi Pengajaran yang Berkesan untuk Meningkatkan Penguasaan Kata Kerja dalam Kalangan Murid	69



SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
GBM	Guru Bahasa Melayu
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KKB	Kata Kerja Bantu
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
MBMMBI	Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkasakan Bahasa Inggeris
PBP	Pembelajaran berasaskan Projek
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SP	Standard Pembelajaran
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris



SENARAI LAMPIRAN

A Protokol Temubual



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Di Malaysia, sistem pendidikan memberi implikasi yang sangat komprehensif. Sistem pendidikan Malaysia kini terdiri daripada empat peringkat, iaitu peringkat prasekolah, peringkat rendah, peringkat menengah rendah dan menengah atas, dan peringkat lepas menengah serta pendidikan tertiar yang dikenali sebagai pendidikan lanjutan (Surainee Hanim & Sharipah Nor, 2011). Setiap peringkat yang dilalui mewajibkan murid-murid mengikuti mata pelajaran Bahasa Melayu dan wajib lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan. Keputusan ini membolehkan murid layak ke peringkat seterusnya. Seajar dengan keperluannya menjadi mata pelajaran wajib di sekolah. Antara aspek yang diberi keutamaan yang perlu dikuasai oleh murid adalah daripada aspek pemahaman, penulisan, dan komunikasi. Semua aspek ini dilihat tercapai keupayaannya apabila penggunaan kata tersebut digunakan dengan berkesan dan bermakna.



Penguasaan bahasa merupakan salah satu komponen utama dalam proses berkomunikasi. Pada masa yang sama, penguasaan bahasa dapat mempengaruhi kemahiran pemahaman dalam sesuatu bacaan serta memberi impak dalam penulisan (Royan, 2017). Aspek pemahaman, penulisan, dan komunikasi tersebut tercapai, merujuk kepada elemen yang perlu dikuasai dengan baik oleh setiap murid adalah aspek kata, ayat, dan wacana. Hal ini kerana, aspek yang penting dalam nahu Melayu adalah kata yang merupakan sebahagian unit bahasa dan dianggap sebagai alat atau instrumen asas bagi penguasaan kemahiran berbahasa. Kemahiran bahasa yang wajar diambil perhatian dalam pendidikan rendah adalah kefahaman dalam bacaan, kepetahan dalam bertutur, dan menyampaikan idea dalam penulisan. Ini dapat dinilai melalui penguasaan kata kerja dan digunakan dalam penulisan murid-murid.



Penguasaan kata kerja dalam tatabahasa Melayu merupakan asas dalam pelahiran idea murid-murid. Mengikut pelaksanaan Sukatan Murid dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai 2017, tumpuan terhadap memperkaya perkataan dalam memastikan kemahiran berbahasa mencapai matlamatnya. Walau bagaimanapun, penguasaan bahasa berlaku apabila murid berada di fasa peralihan atau transformasi pendidikan dalam sukatan pelajaran daripada Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) ke Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) ke Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Sukatan pelajaran Bahasa Melayu tidak berubah dan masih menekankan aspek yang sama dalam susunan kandungan standard dengan penekanan dalam penguasaan sistem bahasa.





Oleh itu, penguasaan bahasa dalam kalangan murid sekolah merupakan ukuran kemampuan dan kebolehan murid untuk mengenal, memahami, dan menggunakan kata-kata dengan baik sama ada dalam mendengar, bertutur, membaca, dan menulis serta berkomunikasi. Hal ini kerana penguasaan bahasa terutamanya aspek kata kerja nahu Melayu perlu diberi keutamaan dalam diri murid supaya menguasai aspek nahu Melayu dalam mempelajari perkara-perkara yang lain pada peringkat seterusnya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Murid-murid perlu memahami penggunaan bahasa yang betul untuk berkomunikasi dalam urusan seharian. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, penggunaan bahasa Melayu yang standard adalah penting, bukan hanya untuk komunikasi sehari-hari tetapi juga dalam pembelajaran di sekolah. Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan yang dominan dalam situasi formal dan tidak formal. Menurut Nurhijriah (2020), pengajaran kepada murid-murid dengan latar belakang etnik yang berbeza adalah satu cabaran yang sering dihadapi oleh guru, terutamanya dalam pengajaran Bahasa Melayu. Oleh itu, mata pelajaran Bahasa Melayu berfungsi sebagai asas dalam menerapkan komunikasi yang baik dalam kalangan murid.

Berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah 2017 (KSSM), telah terdapat perubahan dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, yang bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan proses pendidikan. KSSR yang diperkenalkan pada tahun 2011 juga memberi penekanan kepada pembelajaran yang lebih holistik. Dalam kerangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia





(PPPM) 2013-2025, usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dilaksanakan dengan penekanan kepada pembelajaran dwibahasa, meliputi bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Program Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkasakan Bahasa Inggeris (MBMMBI) yang diperkenalkan adalah satu langkah penting untuk meningkatkan penguasaan kemahiran bahasa Melayu dalam kalangan murid.

Berdasarkan kurikulum persekolahan, kemahiran bahasa Melayu perlu dikuasai untuk melahirkan murid yang berdaya saing dalam keempat-empat kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Dalam konteks ini, penguasaan aspek kata, khususnya kata kerja, adalah elemen utama. Kata kerja memainkan peranan penting dalam membina ayat dan menyampaikan makna yang jelas. Ketiadaan penguasaan dalam aspek kata akan menyebabkan murid mengalami kesukaran dalam memahami kandungan bahan bacaan dan menyampaikan idea yang baik dalam penulisan. Oleh itu, penting untuk memastikan murid dapat menggunakan kata kerja dengan betul agar mereka dapat berkomunikasi dengan lebih lancar dalam kehidupan seharian dan dalam penulisan karangan.

Lazimnya, terdapat lima golongan kata yang menjadi tumpuan utama dalam pembelajaran tatabahasa iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif, kata sendi, dan kata seruan. Penguasaan kategori kata-kata ini, termasuk kata kerja, adalah kunci kepada pemahaman tatabahasa secara keseluruhan. Kajian yang dilakukan oleh pelbagai sarjana tempatan menunjukkan bahawa aspek ini masih kurang diberi perhatian, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Misalnya, kajian oleh Kho Thong (2020) menunjukkan bahawa penguasaan tatabahasa dalam kalangan generasi





muda semakin luntur, yang menimbulkan kebimbangan tentang masa depan penggunaan bahasa Melayu.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang menggariskan pentingnya tatabahasa dalam kemahiran menulis di peringkat sekolah rendah. Annuar Khisham (2021), menekankan bahawa penguasaan kata kerja merupakan kayu ukur utama dalam pencapaian murid dan menjadi panduan untuk menilai potensi murid dalam pengajaran dan pembelajaran tatabahasa. Kesalahan tatabahasa, khususnya dalam penggunaan kata kerja, boleh mengganggu proses pembelajaran dan menyebabkan murid tidak dapat menyampaikan idea dengan jelas.



pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dapat mempengaruhi minat pelajar dan meningkatkan penguasaan dalam tatabahasa. Ini menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran yang tepat dan menarik adalah penting untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh murid dalam penguasaan kata kerja. Dalam konteks ini, penguasaan tatabahasa yang baik bukan sahaja membantu dalam pencapaian akademik tetapi juga dalam membina keyakinan diri murid dalam berkomunikasi.

Oleh itu, adalah penting untuk mengkaji penggunaan kata kerja dalam karangan bahasa Melayu murid tahun 4. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti aspek-aspek yang perlu diperbaiki dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, serta mencadangkan pendekatan yang dapat meningkatkan penguasaan kata kerja dalam kalangan murid. Dengan memberikan penekanan kepada penggunaan kata





kerja, diharapkan murid akan lebih yakin dan berkemampuan dalam menulis, sekaligus memperbaiki penguasaan keseluruhan mereka dalam bahasa Melayu.

1.3 Pernyataan Masalah

Isu kelemahan dalam penggunaan aspek kata, baik secara lisan mahupun tulisan, telah menjadi topik perbincangan yang hangat dan memerlukan perhatian serius dalam usaha meningkatkan pencapaian bahasa Melayu dalam kalangan murid. Kelemahan ini tidak hanya mempengaruhi kemampuan berbahasa mereka, tetapi juga memberi impak negatif terhadap prestasi akademik secara keseluruhan sepanjang sesi persekolahan (Ambikapathi Shanmugam et al., 2015). Dalam konteks penulisan karangan, penguasaan kata kerja merupakan aspek kritikal yang perlu ditekankan, kerana kata kerja berfungsi sebagai inti dalam pembentukan ayat dan penyampaian makna yang jelas.

Walaupun terdapat murid yang mampu menggunakan struktur sintaksis dengan baik, masih ramai murid yang menghadapi cabaran dalam menggunakan kata kerja dan aspek lain dalam tatabahasa dengan tepat. Ini sering mengakibatkan kesalahan dalam hukum tatabahasa dan struktur ayat yang lazim (Siti Khodijah, 2020). Kelemahan ini menunjukkan perlunya pendekatan pedagogi yang berkesan untuk memperbaiki pemahaman dan penguasaan bahasa murid. Manakala Nurul Istinganah (2012), menegaskan bahawa tahap kesalahan tatabahasa dalam kalangan murid adalah suatu proses pembelajaran yang perlu diperbaiki dari semasa ke semasa melalui penggunaan teknik pembelajaran yang sesuai.





Hal berkait dengan penguasaan bahasa Melayu di sekolah bukan sahaja penting untuk mencapai kecemerlangan akademik, tetapi juga untuk membina kemahiran berbahasa yang baik. Ini dinyatakan oleh Aman Syah (2021), penutur jati bahasa Melayu perlu diajarkan untuk menguasai bahasa dengan baik, terutamanya dalam penulisan karangan. Kelemahan dalam penulisan karangan sering kali mencerminkan kekurangan dalam penguasaan aspek bahasa yang lebih luas. Menurut Nurliya Febrisma (2013), prestasi penulisan karangan dalam kalangan murid terjejas disebabkan kelemahan dalam penggunaan aspek kata, yang menunjukkan bahawa penguasaan kata tidak hanya dilihat dari sudut pengetahuan, tetapi juga dari segi keupayaan untuk menggunakan kata dengan tepat dan sesuai dengan konteks.



rendah sering kali sukar untuk dicapai, terutamanya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Kebanyakan murid menghadapi kesulitan dalam menerapkan pengetahuan mereka, termasuk keupayaan untuk berfikir aras tinggi, menjana idea, dan menggabungkan idea dalam penulisan (Abdul Rasid et al., 2016). Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran yang diambil tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan pembelajaran murid. Kelemahan dalam penguasaan bahasa ini menunjukkan bahawa tidak semua strategi pengajaran dapat memenuhi keperluan pelajar dengan baik, yang berpotensi menghalang mereka daripada mencapai potensi penuh dalam kemahiran berbahasa.

Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan murid dalam kemahiran bahasa, dengan penumpuan khusus kepada





penggunaan kata kerja dalam penulisan karangan bahasa Melayu. Dengan memberikan fokus pada penguasaan kata kerja, agar dapat membantu guru dalam menyediakan pendekatan, kaedah, dan teknik supaya dapat membantu murid meningkatkan kualiti penulisan mereka. Melalui pemahaman yang lebih baik tentang penggunaan kata kerja, diharapkan murid mampu menyampaikan idea dengan lebih jelas dan berkesan, seterusnya memperbaiki pencapaian mereka dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

1.4 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah mengkaji penguasaan penggunaan kata kerja dalam karangan bahasa Melayu dalam kalangan murid tahun 4. Oleh itu, berikut adalah objektif khusus kajian ini:

1. Mengenal pasti tahap penguasaan kata kerja murid tahun 4 dalam penulisan karangan bahasa Melayu.
2. Menganalisis jenis kesalahan tatabahasa yang sering dilakukan oleh murid dalam penggunaan kata kerja.
3. Mengenal pasti strategi pengajaran yang berkesan untuk meningkatkan penguasaan kata kerja dalam kalangan murid.





1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah berdasarkan kepada objektif kajian yang telah dinyatakan di atas:

1. Apakah tahap penguasaan kata kerja murid tahun 4 dalam penulisan karangan bahasa Melayu?
2. Apakah jenis kesalahan tatabahasa yang sering dilakukan oleh murid dalam penggunaan kata kerja?
3. Bagaimanakah strategi pengajaran yang berkesan untuk meningkatkan penguasaan kata kerja dalam kalangan murid?



1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap penguasaan kata kerja dalam kalangan murid-murid tahun 4 di sekolah rendah sekitar negeri Perak. Hal ini kerana penggunaan kata kerja yang tepat dalam sesebuah karangan menunjukkan keupayaan murid dalam menggunakan bahasa Melayu dengan betul dan sesuai dengan konteksnya. Secara tidak langsung juga membolehkan murid mengetahui tahap penguasaan penggunaan kata kerja dan dapat meningkatkan keyakinan diri dalam menggunakan bahasa Melayu dalam penulisan.

Kajian ini penting untuk mengenal pasti kelemahan dalam penguasaan kata kerja, yang merupakan elemen utama dalam penulisan karangan. Dengan memahami





isu ini, langkah-langkah yang tepat dapat diambil untuk meningkatkan kemahiran berbahasa murid. Penguasaan kata kerja yang baik membolehkan murid menyampaikan idea dengan lebih jelas dan berkesan, sekaligus memperbaiki kualiti penulisan mereka.

Selain itu, kajian ini dapat memberikan panduan kepada guru dalam merancang strategi pengajaran yang lebih efektif. Dengan mengenal pasti pendekatan dan kaedah yang sesuai, guru dapat membantu murid menguasai penggunaan kata kerja dalam penulisan. Ini akan menyokong usaha untuk meningkatkan prestasi akademik murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, yang tidak hanya memberi manfaat dalam peperiksaan tetapi juga dalam komunikasi seharian.



Kajian ini juga berperanan dalam menyedarkan pihak berkepentingan tentang pentingnya penguasaan tatabahasa, khususnya dalam penggunaan kata kerja, sebagai asas dalam kemahiran berbahasa. Kesedaran ini dapat mendorong usaha yang lebih sistematik dalam memperbaiki pengajaran Bahasa Melayu, dan menjadikan proses pembelajaran lebih berkesan.

Lebih lanjut, hasil kajian ini dapat menyokong pembangunan kemahiran insaniah murid, seperti pemikiran kritis dan kreativiti, yang penting dalam menghasilkan karangan yang baik. Kemahiran ini tidak hanya bermanfaat dalam aspek akademik, tetapi juga dalam kehidupan seharian dan perkembangan peribadi mereka. Akhirnya, kajian ini memberikan sumbangan yang berguna untuk penyelidikan lanjutan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.





Hasil kajian dapat dijadikan rujukan bagi merancang program yang lebih berkesan di sekolah, seterusnya meningkatkan penguasaan bahasa dalam kalangan murid.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji penguasaan kata kerja dalam penulisan karangan Bahasa Melayu murid tahun 4. Secara khususnya, kajian ini melibatkan murid-murid tahun 4 seramai 36 orang di tahap 2 Sekolah Kebangsaan daerah Kinta Utara. Kajian ini dijalankan dengan membuat analisis karangan Bahasa Melayu murid tahun 4. Format karangan berfokuskan kepada penulisan berbentuk umum yang dapat digunakan untuk menghasilkan fakta, huraian, dan contoh. Penulisan karangan murid telah mengikut garis panduan penulisan format peperiksaan 100 hingga 150 patah perkataan.

Kajian ini memfokuskan kepada penulisan karangan bahasa Melayu dengan memperincikan penguasaan kata kerja sahaja. Analisis kata kerja dilakukan dengan mengambil kira jenis kata kerja, kategori kata kerja dan konteks ayat. Kata kerja yang dianalisis adalah dua golongan iaitu kata kerja transitif dan kata kerja tidak transitif.

1.8 Definisi Konseptual

Terdapat dua istilah kata yang menjadi definisi konseptual dalam kajian ini yang dinyatakan dan diperincikan.



1.8.1 Kata Kerja

Kata kerja didefinisikan sebagai kata yang menunjukkan tindakan, keadaan, atau peristiwa. Ia berfungsi untuk menggambarkan apa yang dilakukan oleh subjek dalam ayat (Nik Safiah et. al: 2004). Selain itu, kata kerja dikenali sebagai kata yang merujuk kepada aktiviti atau tindakan yang dilakukan oleh subjek. Dalam konteks tatabahasa, kata kerja adalah inti kepada pembentukan ayat yang jelas (Mohd Nor & Musirin Mosin, 2017).

Dalam konteks kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada penggunaan kata kerja dalam penulisan karangan murid sekolah rendah, khususnya kata kerja transitif aktif dan kata kerja pasif. Secara umum, untuk memahami kata kerja tak transitif, pengkaji menguji kata kerja yang dilakukan oleh seseorang dan tidak memerlukan objek. Dalam kajian ini, pengkaji juga akan meneliti penggunaan kata kerja murid, sama ada kata kerja tak transitif yang berpelengkap atau tanpa pelengkap. Penggunaan kata kerja ini berperanan penting sebagai pelengkap bagi membentuk ayat yang gramatis.

1.8.2 Penulisan Karangan

Penulisan karangan adalah aktiviti menyusun dan menulis idea dengan menggunakan bahasa yang jelas dan tepat. Ia melibatkan kemahiran merancang, menyusun, dan menyampaikan makna melalui tulisan (Abdul Razak, 2010). Penulisan karangan juga diertikan sebagai suatu bentuk komunikasi bertulis yang



memerlukan penulis untuk mengorganisasikan idea dan menyampaikannya dalam bentuk yang koheren dan berkesan.

Dalam konteks kajian ini, penulisan karangan merujuk kepada proses murid tahun 4 menghasilkan karangan yang mengandungi penggunaan kata kerja, khususnya kata kerja aktif transitif dan pasif. Penulisan ini mencerminkan kemahiran bahasa murid dalam menyusun idea secara teratur dan berstruktur, dengan perhatian khusus kepada penggunaan kata kerja yang tepat dan gramatis. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis bagaimana penguasaan kata kerja mempengaruhi kualiti penulisan karangan murid, serta menilai aspek tatabahasa yang terlibat dalam proses penulisan tersebut.



1.9 Kesimpulan

Bab satu ini menjelaskan struktur asas kajian tentang penguasaan kata kerja Bahasa Melayu dalam kalangan murid tahun 4. Bab ini juga membincangkan pernyataan masalah, objektif kajian, batasan kajian, dan definisi konseptual menggambarkan keseluruhan kajian ini. Secara umumnya, pembelajaran bahasa Melayu mampu memberi pengaruh besar dalam kemahiran bahasa dan kemahiran komunikasi harian murid. Melalui kemahiran bahasa dan kemahiran komunikasi yang baik, murid dapat menghasilkan penulisan yang lebih berkualiti.

